

MELUASKAN PERSURATAN MELAYU

OLEH ZA'BA

(boleh disalin oleh mana-mana surat khabar yang suka)

3 – Karangan cerita wayang :

Karangan cerita-cerita wayang ialah satu lagi kekurangan dalam bahasa Melayu, belum ada sebuah pun cerita lakonan wayang yang telah tersiar dikarangkan dengan bahasa Melayu yang tinggi dan indah, dan dihafal oleh ahli-ahli pelakon mengikut yang tertulis itu apabila melakonkannya. Orang Melayu telah berpuluh tahun juga tahu bermain wayang dan melakonkan cerita-cerita di panggung-panggung bangsawan, dan setengah daripada mereka itu cukup baik lakonannya dan pandai melakonkan bahagiannya dengan gaya-gaya dan bahasa pertuturan yang menarik hati, terutama orang kelakarnya. Permainan menora dan mayung dan wayang kulit telah beratus tahun diketahui dan dimainkan oleh orang Melayu di setengah-setengah negeri dalam Malaya, tetapi semuanya itu baik pun cerita-cerita

dengan pergerakan mereka yang berdasarkan Islam dan yang mempunyai cita-cita di dalam perjuangan mereka hendak menjadikan asas pemerintahan di Mesir itu dan juga di negeri-negeri Islam yang lain berdasarkan Islam yang suci. Di mana-mana tempat sahaja mereka menganjurkan dan menjelaskan kepada dunia bahawa Islam dan siasah itu tidak boleh dipisahkan. Mereka membangkang dengan kuat perbuatan-perbuatan yang memandang bahawa siasah itu tidak kena mengena dengan Islam sebaliknya mereka menguatkan bahawa dengan panduan Al-Quran dan Al-Hadis itulah sahaja siasah yang tunggal untuk mencapai keamanan dunia yang abadi dan dengan sebab itulah mereka berkeyakinan dengan tetap bahawa hidup mereka sama ada berkeseorangan atau bersama atau berpemerintahan semuanya telah ditunjukkan oleh Al-Quran dan Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasalam..

wayang bangsawan atau mayung atau lainnya tidaklah ada yang bertuliskan ceritanya diaturkan atas kaedah cerita lakonan wayang yang betul seperti yang diperbuat oleh orang-orang Eropah yang telah maju persuratannya dan kepandaian karang mengarangnya.

Cerita-cerita wayang itu jika dikarang dan diaturkan dengan sempurna menurut kaedah-kaedahnya yang khas nescaya adalah ia jadi sebahagian yang besar juga dalam ramuan rampai-rampai yang menghayakan persuratan. Tambahan pula faedahnya pun tidak kurang, kerana cerita-cerita yang dilakonkan di hadapan mata penonton-penontonnya serta didengar oleh telinga mereka akan segala percakapan orang-orang di dalam cerita itu adalah lebih memberi bekas kepada hati dan perasaan segala orang yang melihatnya, hingga kadang-kadang dirasa mereka seperti sungguh-sungguh betul. Jadinya selain daripada menyukakan atau menghiburkan hati orang-orang yang menonton maka faedahnya adalah segala contoh tauladan dan ibarat pengajaran yang dimaksudkan daripada cerita-cerita itu lebih kuat termasuknya ke dalam hati mereka sekalian. Maklumlah jalannya masuk ke hati itu bukannya semata-mata dengan jalan fahaman dan fikiran sahaja seperti yang berlaku pada pembaca, tetapi dengan jalan pancaindera mata dan telinga serta dikuatkan oleh perasaan hati suka atau duka pula.

Pendeknya banyakkah faedah dan latihan dan asuhan yang boleh didapati oleh pelihat-pelihat daripada cerita-cerita yang dilihat mereka dilakonkan di dalam wayang itu – barangkali lebih banyak daripada yang mereka peroleh dengan membaca ceritanya sahaja tetapi tidak dilihat rupa kelakuannya dengan mata kepala dan didengar percakapannya dengan telinga. Maka istimewa pula bagi penonton-penonton yang bukan jenis gemar membaca-membaca atau yang tiada tahu membaca pun, tentulah sangat besar pertolongannya

cerita-cerita lakonan wayang yang dilakukan di atas panggung itu. Maka walaupun cerita-cerita itu bukan perkara yang sebenar hanya cerita rekaan dan angan-angan sahaja tetapi kias pengajaran dan contoh tauladan yang selalu ada di dalamnya itu tentulah tidak sia-sia juga.

Akan tetapi jika cerita-cerita itu tidak disuratkan atau dikarangkan atas rupa yang tetap maka tidaklah dapat tetap hantaran ceritanya dan bahasanya dan perkataan atau percakapannya apabila diulang melakonkannya oleh pelakon-pelakon yang lain di tempat lain dan di masa yang lain. Lain pelakon lain gaya ia melakonkannya, lain macam susun cerita itu diaturkannya dan lain macam percakapan dan perkataan yang dipakainya apabila melakonkan bahagiannya masing-masing kerana mengikut apa yang terlintas di hati sahaja, jadi tidaklah sama seperti yang dilakonkannya oleh pelakon-pelakon yang dahulunya atau yang kemudian daripadanya kelak. Ada pun jika cerita itu disuratkan atas rupa cerita wayang betul maka dapatlah diulang-ulang melakonkannya dengan tidak berubah anyaman riwayatnya dan tidak bertukar perkataan dan percakapan yang diucapkan oleh pelakon-pelakonnya daripada yang telah terkarang itu, walau siapa pun melakonkannya di tempat yang lain dan di masa yang lain beberapa lama pun kemudian kelak; kerana tiap-tiap seorang pelakon yang dikehendaki bagi melakonkan cerita itu terpaksa mengambil bahagiannya masing-masing dengan melancar atau menghafal perkataan-perkataan cerita itu yang telah tetap terkarang dan terpaksa melakonkannya mengikut bentuk ceritanya yang telah sedia teratur itu. Yang demikian anak-anak wayang itupun mendapat latihan menguatkan peringatannya dengan mengafal ayat dan barangkali dapat latihan kesenian bahasa juga jika percakapan-percakapan yang kena dihafalnya untuk bahagiannya itu tentang potongan-potongan yang elok karangannya dan isinya.

Tiada syak lagi ini suatu lapangan yang pengarang-pengarang muda kita sekarang dan akan datang – siapa-siapa yang ada kecenderungan pada kerja lakonan – segera menghadapkan diri kepadanya bagi memenuhi ruang yang masing kosong ini. Berbagai-bagai cerita lakonan boleh direka dan dikarangkan sama ada cerita perkara yang sebenarnya terjadi atau cerita

angan-angan yang terpeta di kepala pengarang sahaja; jika cerita yang sebenar, hendaklah diubah nama-nama orangnya, dan jika cerita reka-reka sahaja hendaklah isinya munasabah dengan kehidupan manusia sehari-hari, jangan perkara yang mustahil kepada akal terjadinya atau yang tiada pernah kejadian di dalam pengalaman manusia. Tetapi walau cerita yang benar atau cerita reka-reka sahaja hendaklah gambarannya mencontohkan hal-hal yang sebenar terjadi dalam kehidupan orang Melayu di bandar-bandar dan di kampung-kampung baik pada hari ini atau pada masa yang telah lalu asalkan boleh memberi pengajaran tauladan dan iktibar.

Maka bagi mengarangkannya itu sebaik-baiknya hendaklah diperiksa cerita-cerita wayang yang masyhur yang telah terkarang oleh pengarang-pengarang yang kenamaan dalam bahasa lain seperti cerita-cerita wayang karangan Shakespeare (1564-1616 M atau karangan Bernard Shaw (1856-1950 M) dalam bahasa Inggeris, dan cerita-cerita wayang karangan Maulier (1622-1673 Masihi) dalam bahasa Perancis atau apa-apa bahasa lain yang diketahui kalau ada cerita-cerita wayangnya yang kebilangan. Maka dari situ bolehlah mengambil contoh. Dilihat bagaimana kaedahnya pengarang-pengarang itu telah mengarangkan cerita-cerita mereka itu dan apa-apa kelebihan dan rahsiannya dalam cerita-cerita mereka itu yang telah menjadikannya begitu jaya. Maka tidaklah boleh meraba-raba sahaja membuat berapi mengarangkan cerita wayang ikut sedap hati sendiri dengan tidak menauladan daripada contoh-contoh yang telah masyhur, kerana mengarang cerita wayang itu ada kaedah-kaedah yang tertentu bukan seperti mengarang cerita biasa sahaja. Maka kita belum sampai kepada darjat terkaya daripada melihat tauladan, dan tauladan yang dikehendaki itu sedia baik boleh didapati dalam bahasa-bahasa lain yang telah maju. Hanya tidaklah pula maksudnya mesti ditiru cukup-cukup seperti yang diperbuat oleh pengarang bangsa lain itu, tetapi yang dikehendakkan hanyalah sekadar mengambil contoh untuk membuka fikiran, kemudian bolehlah dipadankan dengan keadaan dan perkelilingan orang-orang kita yang akan menggunakan cerita-cerita itu di panggung lakonannya dan orang-orang kita yang akan jadi penonton melihatnya dilakukan. Bahkan pada mula-mula dicuba satu dua cerita yang dikarangkan itu

haruslah barangkali tiada berapa baik susunannya, isinya dan perkataannya, tetapi kemudian-kemudian lagi boleh diharap bertambah baik dan pengarang-pengarang yang akan mencuba kemudian lagi pula tentulah semakin pandai dan semakin baik lagi pertukangannya.

Cerita-cerita yang telah biasa kita lihat dilakonkan oleh ahli-ahli wayang Melayu dari mula-mula dahulu biasanya ialah cerita-cerita ajaib dan kesaktian yang tiada perhubungan sedikit pun dengan hal kehidupan kita sehari-hari atau dengan riwayat-riwayat tarikh yang sebenar. Maka bahasa lakonannya pula semata-mata terserah kepada kepandaian masing-masing orang yang melakukan itu sahaja kerana tiada bersurat. Jika sekali sekala mereka cuba melakukan cerita-cerita wayang yang telah masyhur dan bersurat dalam bahasa Eropah seperti cerita "Hamlet" atau "Saudagar Venice" atau "Othello" (ketiga-tiga cerita karangan Shakespeare) maka habislah cerita-cerita itu disiang-siang dipotong-potong dan dilintangpukangkan oleh mereka, diubah dan ditambah, hingga jadi bersalin kulit dan rupa dan kadang-kadang terpalang betul daripada asalnya. Maka pelakon yang lain melakonkannya lain macam pula diperbuatnya gaya ia siang dan memotong-motong itu, masing-masing ikut sedap hati sendiri asalkan rangka ceritanya ada terbawa sebanyak sedikitnya jadilah! Itu tiada munasabah dengan zaman cerita itu dan nyanyi-nyanyi yang dimasukkan ke dalam lakonan itu nyanyi-nyanyi moden yang tidak berpadan dengan riwayat yang dilakonkan itu. Sekalian keadaan demikian ini telah sampailah masanya mesti dibaiki, dan jalan membaikinya itu satu sahaja iaitu dikarangkan cerita-cerita wayang yang betul mengikut kaedah-kaedah cerita wayang – umpamanya hendaklah dikirakan bagaimana tempatnya yang boleh disediakan di atas panggung, berapa lama waktunya dapat diuntukkan dan bagaimana bunyi percakapan yang patut diletakkan pada mulut masing-masing. Orang yang berlakon, dan apa-apa tabiat perangai masing-masing orang itu yang hendak digambarkan daripada percakapannya itu. Bahasanya pula hendaklah ringkas, kemas dan bersemangat. Kemudian

setelah dikarangkan maka diikutlah sebagaimana yang telah terkarang itu apabila melakonkannya.

Sungguhlah semenjak beberapa tahun yang lalu ini sudah ada juga kelihatan dimulai serba sedikit perubahan pada jenis cerita-cerita yang dilakukan dalam wayang-wayang bangsawan kita dan pada cara-cara melakonkannya, dan cerita-cerita lakonan yang bersurat pun ada juga terkadang-kadang dibuat oleh setengah-setengah orang. Tetapi oleh sebab masih tersangat sedikitnya perubahan itu dan masih rendah tarafnya belumlah dapat hendak dihargakan dia sebagai perubahan yang meninggikan darjat persuratan atau darjat perwayangan sekalipun. Tambahan pula cerita-cerita lakonan yang ada disuratkan itu belum ada kelihatan yang disiarkan jadi buku yang tercop supaya dapat digunakan oleh kumpulan-kumpulan wayang di mana-mana jua dan supaya dapat ditele oleh orang ramai dan oleh ahli-ahli persuratan apa-apa keelokannya dan kekurangannya karangan-karangan itu. Maka wajiblah atas pengarang-pengarang yang gemar pada perkara lakonan memberi bahagiannya menolong membaiki hal ini.

Tiga ratus lima puluh tahun dahulu Shakespeare telah mengarangkan cerita-cerita wayangnya yang sekarang telah jadi masyhur di seluruh dunia dan telah terhidang dalam berbagai-bagai bahasa. Ia hanyalah seorang anak wayang, bukan seorang pendeta atau seorang yang tinggi persekolahan. Tetapi cara-cara bentuk bangun cerita-ceritanya yang tegap dan kemas, dan tutur bahasa yang ringkas dan padat yang diletakkannya di atas lidah orang-orang yang berlakon dalam tiap-tiap ceritanya itu telah menjadikan cerita-cerita itu kekal dan teraku bagus oleh pujangga-pujangga segala bangsa. Cerita-ceritanya itu masih diperlakonkan oleh ahli-ahli wayang Inggeris dan Eropah. Mutu karangannya tetap dipandang tinggi, bahkan kebanyakannya dihitung ialah contoh karangan lama yang baik sekali dalam bahasa Inggeris, hingga buku-buku cerita wayangnya itu tiada pernah ketinggalan dipakai bagi pelajaran bahasa dan persuratan Inggeris dalam darjah-darjah tinggi, di sekolah-sekolah Inggeris serata dunia. Shakespeare sendiri sentiasa diingati dan dijunjung tinggi oleh orang Inggeris sebagai pengarang cerita wayang

dan tukang syairnya yang ulung dan terbesar sekali. Mengikuti adat Eropah tiap-tiap tahun pada tarikh ia diperanakkan adalah patungnya dan tempat lahirnya di Standfard Abon (dalam negeri England) dikunjungi dan dipuja oleh orang berpuluh ribu datang dari segenap tempat dan negeri, dan salah satu daripada cerita lakonannya yang masyhur itu dilakonan orang sehingga dua tiga minggu dikeliling tarikh itu.

Satu daripada beratus-ratus perkataannya yang kekal diingat orang tiada dilupai oleh sebab benarnya dan bernas isinya dan terang kias perbandingannya ialah perkataan yang diletakkannya pada lidah pelakon yang bernama Jaques (Jaques) dalam ceritanya yang bernama "Ikut Suka Engkau" (As You Like It) lakonan yang kedua majlis yang ketujuh :

"All the world's a stage,
And all the men women merely players:
They have their exits and their entrances
And one man in his time plays many parts."

Ertinya : Kesemua dunia ini ialah sebuah panggung wayang, dan sekalian orang laki-laki dan perempuan di dalamnya itu hanyalah pemain atau pelakon jua: Mereka ada giliran keluar dan giliran masuk, dan satu orang di dalam masanya kerap melakonan beberapa bahagian...."

Daripada perkataan ini dapatlah diukur bahawa Shakespeare itu sungguhpun ia anak wayang tetapi ialah anak wayang yang ahli fikiran dan memerhati. Pemandangannya pada satu-satu perkara selalu tajam dan benar, dan fikiran-fikiran yang diletakkannya pada lidah orang-orang dalam ceritanya itu biasa dibahaskan dengan ringkas bernas dan padat berisi seperti dalam misal di atas ini. Ia seorang anak wayang dan ia nampak kehidupan manusia dalam dunia ini pun adalah bandingnya seperti lakonan cerita wayang, ada pelakon yang masuk ada yang keluar: masuk (atau keluar) ke dalam majlis panggungnya iaitu alam wujud atau alam kehidupan ini daripada tiada keluar kepada ada iaitu diperanakkan, dan keluar (atau masuk) daripada alam wujud ini kembali semula daripada ada kepada tiada iaitu mati. Orang yang masuk (keluar) ke majlis itu ialah dari dalam tirai Adam

yang tiada kelihatan kepada penonton bagaimana keadaan yang terjadi di sebaliknya. Setelah ia masuk (keluar) maka iapun menjalankan bahagiannya yang teruntuk kepadanya di atas panggung kehidupan ini – ada yang jadi raja ada yang jadi kuli, ada yang jadi saudagar ada yang jadi pencuri, ada yang memberi sedekah ada yang meminta sedekah, ada yang jadi orang baik ada yang jadi orang jahat, ada yang membunuh ada yang kena bunuh. Demikianlah berbagai-bagai halnya yang tiada dapat dikira hitung banyak macamnya dan jenisnya: masing-masing dengan tingkah telatahnya dan percakapannya mengikut masing-masing bahagian tersurat yang diberikan kepadanya. Setelah habis bahagiannya itu maka iapun keluar lalu hilang kembali ke sebalik tirai atau terlindung semula oleh tirai yang dilabuhkan. Maka apa yang terjadi di balik tirai itu ialah hal yang tidak dapat disaksikan oleh penonton-penonton dan tidak ditunjukkan kepada mereka. Tiap-tiap lakonan yang mereka lihat dilakonan di atas panggung itu ada tujuannya dan pengajarannya bagi kehidupan mereka yang akan datang. Begitulah sentiasa: beberapa juta orang diperanakkan ke dalam dunia pada tiap-tiap detik jam supaya melakukan bahagiannya dalam panggung kehidupan ini, dan beberapa juta pula yang mati dalam detik itu juga bagai menerima bahagiannya dalam kehidupan yang lain pula sementara itu alam ini berjalan juga hingga tiba masa kiamat kelak....

Di antara pelakon-pelakon kita Melayu bukannya tidak ada orang yang tajam fikiran dan pandangan seperti ini. Pelakon dan pelawak kita yang masyhur dan dikenal oleh semua orang dengan nama " Aman Belon " itu tentu orang-orang sekalian bersetuju iaitu seseorang daripadanya walaupun ia bukan seorang ahli sekolah atau tinggi pelajaran. Tiap-tiap lakonan yang dimainkannya, tiap-tiap nyanyi yang dinyanyikannya, selain daripada menyukakan dan menggelikan hati pelihat-pelihat dan pendengar-pendengarnya, adalah mengandungi sindiran dan pengajaran yang halus. Demikian pula tiap-tiap percakapan yang dicakapkannya dalam lakonan itu – baik cara pelat Pulau Pinang atau Melaka atau Kelantan atau cara pelat Jawa atau Keling atau

BAHASA MELAYU

(oleh Musyfa')

Oleh sebab bahasa-bahasa Inggeris dan Melayu adalah sekarang ditetapkan dan diakui bahasa-bahasa rasmi oleh kerajaan persekutuan Tanah Melayu di semenanjung ini, maka selain daripada pegawai-pegawai Inggeris yang telah sememang daripada dahulunya belajar bahasa Melayu sehingga setengah daripada mereka itu boleh membaca dan menulis bahasa Melayu dengan huruf Melayu (Arab), banyakkah pada masa ini bangsa-bangsa yang bukan Melayu mulai belajar bahasa Melayu dan setengah daripada orang-orang Melayu kita pun baharu-baharu ini telah menubuhkan kumpulan-kumpulan bagi memperbaiki dan meluaskan bahasa Melayu, di Singapura dan di Malaya ini.

Setengah daripada orang-orang Melayu terutamanya daripada kaum muda kita menjadikan atau mensifatkan surat-surat khabar dan majalah-majalah Melayu itulah sebagai kitab-kitab pelajaran dan

Cina Beca atau Arab atau Benggali atau lainnya – adalah sangat kenda gayanya dan mengandungi sindiran dan pengajaran jua. Yang demikian ialah kelebihan yang dikurnia Tuhan kepadanya dan sukar boleh didapati pada orang yang lain. Jika sekiranya ia seorang ahli pengarang yang boleh menulis dan mengarang dengan baik seharusnya ia telah menjadi Shakespeare Melayu pada apa-apa cerita lakonan yang dikarangkannya. Sekarang ini pun sungguhpun ia tidak ada mengarang cerita-cerita lakonan yang bersurat tetapi tiada syak lagi apabila sampai masanya penyiasat-penyiasat yang kemudain akan menuliskan riwayat “Tawarikh kemajuan permainan wayang di antara orang Melayu” kelak maka nama “Aman Belon” ialah suatu nama yang tiada boleh ketinggalan disebutkan di dalamnya.

Diharap pada masa yang ke hadapan ada pengarang-pengarang kita yang akan kemuka sebagai pengarang cerita-cerita lakonan wayang juga bagi meluas dan menggayakan medan persuratan bahasa Melayu.
(bersambung).

bacaannya kerana membayangkan, dan menghalusi serta meninggikan mutu bahasa Melayunya masing-masing maka oleh yang demikian wajiblah tuan-tuan pengarang akhbar-akhbar dan majalah-majalah itu dan juga penulis-penulis mereka itu menyiarkan bahasa Melayu yang molek susunannya – janganlah main “Hentam Kromo” sahaja menurut apa yang terlintas di hati masing-masing dengan tiada kecermatan masing-masing, salah atau tidaknya susunan dan tertib bahasa Melayunya itu atau menggunakan bahasa asing dengan tidak betul sebutan atau fahamannya, tidak dipedulikan, asalkan dapat orang ramai mengerti sedikit lebih kurang jadilah! Bahawasanya perbuatan dan kemajuan yang sedemikian tidaklah boleh dikatakan pengajaran pada membaiki dan menghalusi bahasa Melayu, hanyalah mencampur adukkan bahasa kita sendiri, kerana telah banyak orang-orang muda kita Melayu hari ini, meniru-niru gaya susunan campur aduk itu maka orang-orang yang bukan Melayu tak dapat tiada akan menurut bahasa Melayu yang tidak senonoh itu yang tiada boleh disyukkan menjemput akibat yang keji kepada bahasa Melayu!

Wahai sekalian tuan-tuan pengarang akhbar-akhbar dan majalah-majalah penulis-penulis cerita dan lain-lainnya di akhbar-akhbar dan majalah-majalah itu! Sila apalah kiranya ambil penat dan cermat tentang bahasa dan peribahasa Melayu kita, jika sebenarnya tuan-tuan sekalian dengan ikhlas berniat baik kepada bangsa dan bahasa tuan-tuan.

Tuan-tuan penulis di akhbar-akhbar dan majalah-majalah, tentang cerita-cerita pendek hendaklah dengan cermat kajikan betul-betul perkataan-perkataan dan huruf yang dihubungkan kepada perkataan-perkataan Melayu atau perkataan-perkataan dagang mana-mana yang mustahak digunakan itu, ialah seperti perkataan-perkataan atau huruf-huruf penghubung ; - yang, nan, nang, kini, kinin, kian dan lain-lain lagi dan juga angka-angka bagi mengulang-ulanginya sebutan yang dimaksudkan bilangan banyak atau lainnya. Maka di bawah ini adalah dengan ikhlas dan apa yang acapkali saya dengar disebut-sebut dan yang saya baca :-

(1) – “Orang yang kasihkan bangsanya” – ini tidak betul maka adapun yang betulnya – orang yang-kasihkan bangsanya

(2) – “Rumah yang-dianya beli” – ini pun tidak betul, maka hendaklah ditulis “Rumah yang dianya beli”